AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : COVID-19

REKOD TERTINGGI

2,188 kes baharu dicatatkan dan empat kematian dilaporkan

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kes positif Covid-19 di seluruh negara kian membimbangkan selepas merekodkan kes tertinggi setakat ini dengan 2,188 dilaporkan semalam.

Ia sekali gus mengatasi 1,884 kes positif Covid-19 yang dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes terbaharu itu menjadikan jumlah kumulatif penularan wabak berkenaan di negara ini sebanyak 58,847 kes dengan kebolehjangkitan sebanyak 14,353 kes.

Menurutnya, semua kes baharu yang dilaporkan semalam membabitkan penularan tempatan.

"Selangor masih mencatatkan kes harian tertinggi iaitu sebanyak 1,623 kes diikuti Sabah (232 kes), Perak (112 kes).

"Sebahagian besar daripada kes yang dilaporkan di Selangor daripada Kluster Teratai dengan pertambahan sebanyak 1,511 kes (93.1 peratus). Pasukan perubatan dan kesihatan awam bantuan digerakkan ke kawasan terbabit bagi aktiviti kawalan serta pencegahan termasuk saringan secara besar-besaran.

341
Jumlah keseluruhan kes kematian dilaporkan

"Sebanyak 107 kes yang dilaporkan pula berkaitan kluster di penjara membabitkan Kluster Tembok (103 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (2 kes) dan masing-masing satu kes bagi Kluster Penjara Kepayan serta Kluster Penjara Sandakan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, setakat ini terdapat 112 pesakit positif Covid-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 49 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Selain itu, katanya, terdapat sebanyak 1,673 kes pulih dilaporkan, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 44,153 kes atau 75 peratus daripada keseluruhan kes.

Katanya, daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), empat kematian dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan 341 kes kematian.

"Kes kematian 338 (kes ke-49,641) membabitkan lelaki berusia 84 tahun yang dilaporkan meninggal dunia di Hospital Pulau Pinang. Beliau mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi dan paru-paru kronik.

"Tiga lagi kes kematian dilaporkan di Sabah membabitkan lelaki berusia 74 tahun dan wanita berusia 41 tahun yang meninggal dunia di Hospital Lahad Datu. Manakala seorang lagi lelaki berusia 45 tahun meninggal dunia di Hospital Tawau," katanya.

SEBAHAGIAN petugas barisan hadapan menjalani proses semburan nyah kuman selepas melakukan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Jabatan Imigresen di sekitar kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Hentian Kajang, semalam.

ANGGOTA wanita daripada Polis Diraja Malaysia Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang yang bertugas di dalam kawasan PKPD Medan 88, Bandar Baru Salak Tinggi menjalani saringan COVID-19, semalam. - Bernama

Kes di Selangor meningkat berkait kluster tempat kerja

Kuala Lumpur: Peningkatan mendadak kes positif Covid-19 di Lembah Klang dan Selangor kebelakangan ini adalah berkaitan kluster tempat kerja.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sehingga semalam, terdapat 119 kluster tempat kerja dengan 83 kluster masih aktif dan 36 kluster diisytihar tamat.

"Sejumlah 77,201 individu disaring dan 12,079 kes dikesan positif Covid-19 membabitkan 4,398 kes warganegara dan 7,681 kes bukan warganegara.

"Lima kluster tempat kerja yang mencatatkan kes tertinggi adalah Kluster Teratai dengan 4,036 kes positif Covid-19, Kluster Damanlela (1,539 kes), Kluster Cergas (1,337 kes), Kluster Hentian (1,101 kes) dan Kluster Kaya (900 kes)," katanya pada kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang dilaksanakan adalah untuk menjaga kepentingan kesihatan serta ekonomi.

Bagaimanapun, katanya, kejayaan strategi itu memerlukan kerjasama majikan bagi memastikan semua amalan pekerjaan dan pekerja sentiasa patuh prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Bagi industri yang menggunakan ramai tenaga kerja dalam kalangan bukan warganegara, majikan bertanggungjawab menyediakan tempat kediaman kondusif serta memastikan pekerja mengamalkan langkah pencegahan penularan Covid-19.

"Amalan boleh dilakukan adalah pemeriksaan suhu badan memasuki tempat kerja, penyediaan tempat mencuci tangan, kerap melaksanakan proses pembersihan dan pembasmian kuman, amalan jarak sosial, memastikan pekerja tidak berkumpul di ruang sempit dan elakkan terlalu ramai pekerja bersama pada satu masa," katanya.

Beliau meminta pihak majikan untuk memainkan peranan lebih besar bagi bersama-sama menangani penularan Covid-19 di Malaysia.